

# Katalog Umum Atas Talian (Online Public Access Catalogue)

**Perkembangan** dalam bidang teknologi masa kini sebenarnya telah banyak membantu pelbagai pihak untuk memudahkan segala kerja yang ingin dijalankan. Perpustakaan KUKUM juga tidak terlepas untuk mengaplikasikan teknologi yang wujud ini dalam usaha memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada seluruh warga KUKUM. Penggunaan OPAC dilihat dapat memberi manfaat dalam usaha untuk mendapatkan maklumat yang cepat dan tepat sesuai dengan konsep kampus KUKUM yang bersifat teragih.

Perkataan OPAC adalah singkatan kepada *Online Public Access Catalogue* atau dalam bahasa Melayu dikenali sebagai Katalog Umum Atas Talian. OPAC merupakan salah satu modul yang terdapat di dalam Sistem Pengurusan Perpustakaan Bersepadu yang digunakan oleh Perpustakaan KUKUM. Fungsi utama OPAC ialah untuk menyediakan rekod katalog bagi bahan dan koleksi yang terdapat di Perpustakaan secara atas talian kepada semua pengguna. Penyediaan rekod katalog ini membolehkan pengguna perpustakaan membuat pencarian terhadap bahan dan koleksi yang terdapat di Perpustakaan dengan lebih berkesan.

Bagi memudahkan semua pengguna, pihak Perpustakaan juga telah menyediakan beberapa buah terminal OPAC khusus untuk pengguna mengakses OPAC ketika berada di dalam Perpustakaan. Pengguna juga boleh mengakses Katalog Umum Atas Talian ini di mana-mana komputer yang mempunyai rangkaian internet untuk tujuan pencarian bahan dan koleksi Perpustakaan.

Pengurusan rekod katalog bahan dan koleksi Perpustakaan yang efisien ini memberi pelbagai kelebihan kepada pengguna Perpustakaan. Antaranya ialah para pengguna akan mengetahui status buku yang ingin dicari dengan cepat dan tepat. Selain itu, pengguna juga dapat mengetahui sama ada bahan yang dicari itu masih ada di dalam perpustakaan atau tidak. Malah, pengguna juga tidak perlu lagi membuang masa untuk membuat pencarian di setiap rak jika bahan yang dicari telah dipinjam oleh pengguna lain.

Pencarian bahan dan koleksi melalui OPAC membolehkan pengguna mendapat pelbagai maklumat penting mengenai sesuatu bahan dengan lebih terperinci. Antara maklumat yang disediakan ialah tajuk, tajuk perkara, maklumat fizikal bahan, nombor panggilan dan lain-lain. Dengan adanya, maklumat-maklumat ini pencarian bahan dapat dilakukan dengan lebih berkesan, menjimatkan masa dan tepat.

Di samping itu, kemudahan lain yang dapat dimanfaatkan oleh semua pengguna melalui penggunaan OPAC ialah pengguna boleh menyemak sendiri akaun perpustakaan, menempah (*request*) buku yang telah dipinjam oleh pengguna lain, membuat pembaharuan (*renewal*), mengetahui tarikh pemulangan bahan yang dipinjam dan mengakses semua pangkalan data elektronik yang dilanggan oleh Perpustakaan KUKUM seperti *Science Direct*, *IOP*, *IEEE* dan *ENGnetBASE*.

Bagi memastikan semua pengguna Perpustakaan tahu akan cara-cara pencarian bahan dan koleksi melalui OPAC, Perpustakaan telah menyediakan bengkel khusus mengenai OPAC kepada pelajar dan staf KUKUM. Untuk pelajar baru Perpustakaan akan mengadakan bengkel ini ketika minggu orientasi berlangsung. Manakala, bagi staf dan pelajar lain yang ingin menyertai bengkel berkenaan untuk tujuan meningkatkan kemahiran pencarian bahan dan koleksi Perpustakaan boleh berbuat demikian dengan mendaftar secara online melalui E-Daftar yang terdapat dalam laman web Perpustakaan. <http://mylib.kukum.edu.my>.

